

SIARAN AKHBAR BERSAMA

23 Oktober 2014

SJJB DIPERKUKUH UNTUK BANGUNKAN SYARIKAT AWAM TERSENARAI BUMIPUTERA PENERAJU PASARAN

Fakta Utama: -

- Kerajaan mengumumkan rangka kerja baharu bagi program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) yang menekankan usaha membina kapasiti dengan matlamat meningkatkan modal pasaran syarikat kawalan Bumiputera di Bursa Malaysia.
- Program baharu SJJB akan dikendalikan secara bersama oleh Teraju dan Ekuinas dan bukan setakat menyediakan bantuan kontrak kerajaan "peringkat akhir" tetapi juga memberikan khidmat nasihat sokongan menyeluruh bagi syarikat Bumiputera yang berpotensi disenaraikan. SJJB juga akan memberi bantuan kepada syarikat tersenarai Bumiputera bersaiz kecil dan sederhana untuk memajukannya lagi menjadi syarikat peneraju pasaran pada masa hadapan.
- SJJB berusaha meningkatkan modal pasaran keseluruhan syarikat awam tersenarai yang dikawal Bumiputera dengan sasaran meningkatkan nilai modal pasaran untuk mencapai antara RM7.0 hingga RM10.0 bilion menjelang 2016.

[KUALA LUMPUR, 23 Oktober 2014: Program Skim Jejak Jaya Bumiputera, yang dikenali sebagai SJJB, ialah inisiatif Kerajaan yang diwujudkan pada tahun 2007 untuk menyediakan bantuan 'peringkat akhir' kepada syarikat-syarikat Bumiputera terpilih untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Program SJJB telah ditransformasi dan diperkukuh dalam usaha membangunkan syarikat-syarikat awam tersenarai (PLC) Bumiputera peneraju pasaran.

SJJB baru yang ditransformasi ini telah diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar hari ini di majlis pelancaran prospektus Carimin Petroleum Berhad yang baharu sahaja diterima sebagai syarikat SJJB.

YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid berkata, "Program baharu SJJB ini akan dikendalikan secara bersama oleh Teraju dan Ekuinas dan tidak terhad kepada menyediakan bantuan kontrak Kerajaan 'peringkat akhir', sebaliknya turut berusaha memberikan khidmat nasihat

sokongan secara menyeluruh kepada syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk disenaraikan. SJJB juga akan memberi bantuan kepada syarikat PLC Bumiputera bersaiz kecil dan sederhana untuk terus berkembang maju menjadi syarikat peneraju pasaran yang lebih besar pada masa hadapan.”

Ini bertujuan untuk meningkatkan modal pasaran syarikat kawalan Bumiputera di Bursa Malaysia serta menunjukkan komitmen berterusan dan usaha tertumpu Kerajaan dalam membangunkan ekosistem Bumiputera yang kompetitif, bukan hanya bergantung kepada kontrak Kerajaan semata-mata tetapi menerusi pembinaan kapasiti yang berkekalan dan mampan,” tambah beliau lagi.

Penyenaraian Carimin menandakan penyenaraian pertama syarikat Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) selepas transformasi program tersebut seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan September 2013. Susulan daripada pengumuman tersebut, satu penilaian terperinci terhadap program SJJB sedia ada telah dilaksanakan, dan seterusnya Ekuinas dan Teraju membangunkan model dan rangka kerja operasi baharu bagi program SJJB. Ia kemudiannya telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB).

Di bawah program transformasi SJJB, tumpuan diberikan terhadap usaha membina kapasiti dengan menyediakan khidmat nasihat secara menyeluruh kepada syarikat yang mempunyai potensi penyenaraian. Ini termasuk menyediakan pelan penciptaan nilai bagi meningkatkan kemampuan perniagaan menerusi pertumbuhan organik dan bukan organik, mengenal pasti cara mengakses dana, dan menambah baik proses urus tadbir syarikat untuk memastikan syarikat bersedia untuk disenaraikan serta pengembangan seterusnya. Selepas itu, SJJB akan bekerjasama dengan syarikat Bumiputera untuk merangka dan melaksanakan pelan IPO demi menjamin kejayaan penyenaraian.

SJJB yang baharu juga akan diperluas untuk merangkumi syarikat PLC Bumiputera bermodal pasaran kecil dan sederhana dengan matlamat memajukannya menjadi syarikat peneraju pasaran masa hadapan. Justeru, program ini akan beralih daripada objektif terdahulu yang hanya tertumpu kepada menambah bilangan syarikat PLC Bumiputera di Bursa Malaysia kepada meningkatkan nilai modal pasaran syarikat PLC Bumiputera. Ini

sejajar dengan strategi Kerajaan untuk memberi tumpuan terhadap kualiti dan nilai, dan bukan hanya kuantiti.

Mulai sekarang, program baharu SJJB akan dikendalikan secara bersama oleh Teraju dan Ekuinas di mana Teraju bertanggungjawab terhadap pemasaran dan perhubungan dengan syarikat berpotensi, pelaksanaan serta pemantauan syarikat, manakala Ekuinas pula bertanggungjawab terhadap pemilihan syarikat dan juga penyediaan pelan penciptaan nilai serta pelan penyenaraian bagi syarikat terpilih.

Setakat ini, dua (2) buah syarikat iaitu Dynac Sdn Bhd and Carimin Petroleum Berhad telah diterima di bawah program SJJB baharu ini. Prospektus Carimin telah berjaya dilancarkan hari ini dalam persiapan untuk penyenaraianya yang dijadualkan pada awal November, tertakluk kepada kelulusan yang diperlukan. Selain daripada Carimin, sebuah lagi syarikat SJJB sedia ada, E.A. Technique Berhad, dijangka akan disenaraikan di Bursa Malaysia menjelang akhir tahun ini.

Untuk menjamin impak yang lebih bermakna, SJJB telah diberikan sasaran untuk meningkatkan modal pasaran keseluruhan PLC kawalan Bumiputera antara RM7.0 dan RM10.0 bilion menjelang 2016. Kejayaan penyenaraian syarikat Icon Offshore Berhad, sebuah syarikat Bumiputera di bawah portfolio Ekuinas pada Jun 2014, bersama-sama dengan penyenaraian Carimin dan E.A. Technique dijangka dapat meningkatkan modal pasaran bagi PLC kawalan Bumiputera sebanyak RM2.8 bilion, iaitu satu jumlah yang mengagumkan, pada tahun ini.

SJJB dilancarkan pada 2007 untuk menyediakan khidmat bantuan dan penyelarasaran peringkat akhir dengan pihak berkuasa kawal selia bagi syarikat Bumiputera terpilih. Sehingga kini, SJJB berjaya membantu memudahkan cara penyenaraian lapan (8) syarikat dengan modal pasaran berjumlah RM5.1 bilion. Beberapa syarikat SJJB seperti Barakah Offshore Petroleum Bhd dan Prestariang Bhd telah berjaya mencapai modal pasaran syarikat masing-masing mencecah RM1 bilion sejak menyertai program SJJB. Pencapaian ini terus membuktikan keberkesanan usaha Kerajaan dalam membangunkan syarikat PLC kawalan Bumiputera untuk menjadi peneraju pasaran.

Untuk maklumat lanjut mengenai program SJJB, sila layari laman web Teraju di www.teraju.gov.my atau telefon 03-7839 8000.

- Tamat -

Mengenai Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju)

Penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 8 Februari 2011 untuk menerajui, menyelaras, memacu serta memperkuatkukan penyertaan golongan Bumiputera di dalam ekonomi melalui inisiatif-inisiatif baru dan sedia ada. TERAJU juga akan mengemukakan cadangan pembaharuan atau reformasi institusi untuk meningkatkan tahap keberkesanan institusi-institusi berkenaan. Ia telah diperkenalkan sebagai satu "Game Changer" bagi mengukuhkan Agenda Pembangunan Bumiputera. Matlamat utamanya ialah untuk membolehkan komuniti Bumiputera turut sama meraih peluang dan mendapat manfaat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat. TERAJU turut merupakan Sekretariat kepada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB).

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan Kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan menerusi pengwujudan syarikat-syarikat peneraju terkemuka generasi baru Malaysia. Ekuinas kini telah membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.